

19 MAC 2018

Pemuda cuba rampas submesingan

2 NEGARA!

KOSMO! ISNIN 19 MAC 2018

Lelaki berusia 23 tahun ditangkap selepas bergelut dengan anggota polis

Pemuda cuba rampas submesingan

Oleh MALINDA ABDUL MALIK

KAJANG – Seorang pemuda yang dipercayai berada dalam pengaruh dadah cuba merampas selarás senjata api submesingan jenis Heckler & Koch MP5 milik anggota polis yang sedang berkawal di depan Balai Polis Bandar Sungai Long di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 2.40 pagi, suspek berusia 23 tahun itu meluru ke balai polis itu sebelum cuba merampas senjata api berkenaan.

Namun, percubaannya gagal selepas seorang lagi anggota polis yang berada di lokasi berjaya menahan suspek selepas berlaku satu pergelutan.

Ketua Polis Selangor, Datuk Mazlan Mansor (gambar ke-



cil) berkata, anggota polis yang bergelut itu mengalami kecederaan pada pergelangan tangan, kanan.

“Siasatan awal mendapati motif suspek bertindak demikian dipercayai akibat di bawah pengaruh dadah dan suspek mengaku terlibat dalam aktiviti penyalahgunaan dadah,” katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Kosmo! difahamkan ketika kejadian hanya terdapat dua anggota berkenaan sedang bertugas di Balai Polis Bandar Sungai Long.

Mazlan berkata, semakan rekod jenayah mendapati suspek memiliki satu rekod jenayah berkaitan kes tipu.



CONTOH submesingan jenis Heckler & Koch MP5. – Gambar hiasan

Menurutnya lagi, siasatan lanjut masih dijalankan dan suspek direman selama empat hari bermula semalam.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 90 Akta Polis kerana berkelakuan tidak senonoh di balai polis dan Seksyen 332 Kanun Keseksaan kerana dengan sengaja mendatangkan kecederaan terhadap penjawat awam.



INILAH Balai Polis Bandar Sungai Long. Kajang tempat seorang lelaki cuba merampas senjata api submesingan jenis Heckler & Koch MP5 daripada seorang anggota polis.